

## PROJEK LADANG PAHALA ANJURAN AKRAB MAHKAMAH PERLIS

**PERLIS**, 18 Mac 2024 - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan keberkatan dan keampunan. Bersempena bulan Ramadhan yang mulia ini, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Perlis tidak ketinggalan membuat amal kebajikan iaitu sumbangan beras pulut dan santan kotak kepada semua kakitangan Mahkamah Negeri Perlis. Sumbangan ikhlas ini adalah daripada YBhg. Puan Norsalha binti Dato' Hamzah Pengarah Mahkamah Negeri Perlis dan juga selaku Penaung AKRAB Mahkamah Negeri Perlis.

Semua Jawatankuasa AKRAB terlibat mengedar dan mengagihkan sumbangan kepada para kakitangan Mahkamah. Pengagihan sumbangan ini berjaya dilaksanakan pada 18 Mac 2024 bersamaan 7 Ramadhan 1445H.

Tahniah dan syabas kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa AKRAB Mahkamah Negeri Perlis di atas kejayaan Projek Ladang Pahala ini. Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dan diharap program ini dapat mengeratkan hubungan siraturahim antara semua warga kerja Mahkamah.



# BULETIN @ PSIKOLOGI


## PROGRAM TAKZIRAH RAMADAN RAHMAH ANJURAN AKRAB MAHKAMAH PULAU PINANG

**PULAU PINANG**, 18 Mac 2024 – Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Sukan Mahkamah Pulau Pinang telah mengadakan Program Tazkirah Ramadan “Meraih Takwa Melalui Ramadan” sebagai pengisian Ramadan 2024.

Program ini diadakan pada hari Isnin 18 Mac 2024, jam 2.00 petang yang bertempat di Foyer Tingkat 7, Bangunan Sri Pinang, Mahkamah Georgetown Pulau Pinang. Penceramah jemputan untuk program ini adalah Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Sahad yang merupakan Pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). Seramai 50 peserta hadir secara fizikal dan 118 orang peserta mengikut program ini secara maya menerusi aplikasi zoom.

Setiap peserta yang mendaftar telah menerima murtabak Hameediyah hasil sumbangan dari Tuan Ahzal Fariz bin Ahmad Khairuddin, Pengerusi AKRAB Mahkamah Pulau Pinang.

Program Tazkirah ini berjalan dengan lancar dan berakhir pada jam 4.00 petang. Sesi bergambar dan penyampaian saguhati kepada Penceramah jemputan turut diadakan sebelum majlis penutup.



# BULETIN @ PSIKOLOGI

## **BOOTH PSIKOLOGI SEMPENA JUALAN SEMARAK AIDILFITRI ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAHKAMAH PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA**, 25-27 Mac 2024 – Cawangan psikologi dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) PKPMP telah dijemput untuk membuka *booth* bersempena Jualan Semarak Aidilfitri Anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Istana Kehakiman. Pelbagai aktiviti *booth* psikologi telah dilaksanakan seperti Terapi Melukis, Pemeriksaan Tekanan Darah, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Terapi Muzik dan Uji Minda. Cawangan psikologi PKPMP telah membuka *booth* untuk pengunjung-pengunjung yang hadir pada hari tersebut. Selain itu, turut serta membuka *booth* pameran barangan dari Kelab Sukan Dan Kebajikan Mahkamah Putrajaya.

